

Headline	Apartmen, kondominium penyumbang utama jualan		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	23 Mar 2019	Color	Full Color
Section	Bisnes	Circulation	69,985
Page No	27	Readership	209,955
Language	Malay	ArticleSize	742 cm ²
Journalist	Nasuha Badrul Huzaini	AdValue	RM 25,479
Frequency	Daily	PR Value	RM 76,437



Apartmen, kondominium penyumbang utama jualan

➔ Tinjauan REHDA separuh kedua 2018 dapati majoriti pembeli rumah pertama

Oleh Nasuha Badrul Huzaini
nasuha@bh.com.my

Tinjauan Industri Hartanah Separuh Kedua 2018 yang dijalankan Persatuan Pemaju Hartanah dan Perumahan Malaysia (REHDA) mendapati unit kediaman jenis apartmen/kondominium serta teres menjadi penyumbang utama kepada prestasi jualan hartanah pada separuh kedua tahun lalu apabila masing-masing menyaksikan sebanyak 2,023 unit dan 1,793 unit dijual.

Pada separuh kedua 2018, kebanyakan unit hartanah yang dijual adalah unit kediaman, iaitu sebanyak 5,066 unit berbanding 6,510 unit yang dicatatkan pada separuh pertama

tahun lalu.

Presiden REHDA, Datuk Ir Soam Heng Choon, berkata prestasi jualan hartanah dalam tempoh berkenaan bagaimanapun susut sebanyak lapan peratus.

Beliau berkata, tinjauan berkenaan membabitkan 121 responden yang terdiri daripada pemaju hartanah yang juga ahli REHDA di Semenanjung.

"Kebanyakan unit apartmen/kondominium yang dijual adalah di Bukit Kerinchi dan Cheras di Kuala Lumpur manakala Setia Alam dan Serendah di Selangor pula menjadi lokasi yang popular bagi unit kediaman teres dua dan tiga tingkat.

"Berdasarkan tinjauan berkenaan, REHDA mendapati kebanyakan pembeli adalah pembeli rumah pertama yang

mahu tinggal sendiri, diikuti oleh pembelian untuk ahli keluarga," katanya.

Unit paling banyak dilancarkan

Tinjauan berkenaan adalah laporan separuh tahun yang dikendalikan oleh REHDA yang meliputi pelbagai topik pasaran hartanah, cabaran dan maklum balas daripada ahlinya mengenai isu dalam industri dan dasar semasa tempoh tinjauan dilakukan.

Mengulas lanjut, Heng Choon berkata, sebanyak 11,63 unit kediaman dilancarkan pada separuh kedua tahun lalu berbanding 13,233 unit dalam separuh pertama.

"Daripada jumlah itu, unit apartmen/kondominium muncul sebagai unit yang paling banyak dilancarkan diikuti oleh rumah teres dua dan tiga tingkat.

"Sebanyak 52 peratus daripada unit yang dilancarkan adalah dalam lingkungan harga RM500,000 ke bawah berbanding 65 peratus yang dicatatkan enam bulan sebelumnya," katanya.



Kebanyakan unit apartmen/kondominium yang dijual adalah di Bukit Kerinchi dan Cheras di Kuala Lumpur, manakala Setia Alam dan Serendah di Selangor pula menjadi lokasi yang popular bagi unit kediaman teres dua dan tiga tingkat"

Soam Heng Choon,
Presiden REHDA



[FOTO HIASAN]

